

5 individu ditahan disyaki hina Agong

Polis buka 10 kertas siasatan, masih buru lima lagi individu

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

Polis telah membuka 10 kertas siasatan dan menahan lima individu kerana disyaki memuat naik status menghina Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di laman sosial Facebook.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mazlan Mansor berkata, polis masih memburu lima individu lagi yang dipercayai masih berada dalam negara.

Menurutnya, lima yang ditahan kini dalam siasatan dan direman sebelum dirujuk kepada pihak pendakwa raya sama ada akan dituduh di mahkamah atau sebaliknya.

“Kita telah membuka 10 kertas sia-



FOTO: BERNAMA

Mazlan menyaksikan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk T Narenasagaran (kiri) menyerahkan tongkat kuasa kepada Datuk Sahabudin Abd Manan sebagai Ketua Polis Pulau Pinang yang baharu di Georgetown semalam.

satan dan menahan lima individu. Belum ada tangkapan baru dan mereka yang ditahan itu kini direman untuk siasatan. Tunggu keputusan daripada pihak pendakwa raya.

“Polis masih memburu lima lagi dan kita percaya mereka masih berada di negara ini,” katanya ketika ditemui me-

dia selepas Majlis Serah Terima Tugas Ketua Polis Pulau Pinang di sini semalam.

Kelmarin, dua lelaki masing-masing ditahan di Sandakan, Sabah dan Sungai Buloh, Selangor kerana menghina Seri Paduka.

Sebelum itu, polis menahan seorang

lelaki tempatan berusia 35 tahun kerana memuat naik status menghina Seri Paduka di laman sosial Facebook.

Ditanya mengenai salah seorang lelaki yang ditahan dikatakan sakit mental, Mazlan berkata, perkara itu akan ditentukan di mahkamah kelak.

“Dia jawab di mahkamah kemudianlah, dia boleh mendakwa dia sakit apa pun. Terpulang kepada pihak mahkamah untuk tentukan dia sakit mental atau tidak atau sebagainya.

“Pandai dia menulis dalam media sosial, pandailah dia menjawab di mahkamah nanti,” katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 4(1) (a) Akta Hasutan iaitu kecenderungan menghasut dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, polis dalam proses untuk memanggil penganjur perhimpunan haram yang diadakan di ibu negara selepas pihaknya menerima laporan berhubung perkara tersebut.